

Seminar Mengenai *Strategic Relations Of SAIs with the Institutional Environment* pada 6-8 Mac 2012, Akademi Audit Negara

Jabatan Audit Negara dengan kerjasama GIZ (*Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit*) iaitu sebuah agensi Jerman yang mengendalikan kerjasama antarabangsa serta *Asian Organisation of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI) telah mengadakan Seminar "*Strategic Relations of SAIs with the Institutional Environment*" pada 6 – 8 Mac 2012 di Auditorium Ahmad Noordin, Akademi Audit Negara. Objektif seminar adalah untuk mendapat gambaran mengenai hubungan strategik Institusi Audit Asia Tenggara dengan Institusi lain seperti Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam (JKKWA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Kementerian Kewangan, orang awam dan media. Seminar tersebut telah dihadiri oleh seramai 38 peserta yang terdiri daripada Pengerusi JKKWA, wakil Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah serta juruaudit dari sembilan negara Asia Tenggara seperti Filipina, Indonesia, Kemboja, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam.



Majlis perasmian seminar telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia. Seminar ini terbahagi kepada empat sesi iaitu satu taklimat mengenai mandat dan peranan JKKWA oleh Pengerusi JKKWA Malaysia, dua pembentangan dan perbincangan panel serta satu pembentangan kertas kerja

berkaitan kerjasama dan koordinasi antara Kementerian Kewangan dan Institusi Audit. Para peserta juga telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi membincangkan pengajaran yang boleh diperolehi dalam sesi pembentangan panel, perbincangan mengenai nilai dan faedah Institusi Audit serta komunikasi dan kerjasama dengan masyarakat dan media.

GAMBAR-GAMBAR SEMINAR



Ucapan Aluan oleh Cik Rutha Abraha,
Wakil GIZ



Ucapan Pembukaan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia
Ambrin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia



Taklimat mengenai Mandat dan Peranan JKKWA
oleh Dato' Seri Azmi Khalid



Pembentangan Panel



Sesi Perbincangan Kumpulan



Pembentangan oleh En. Juhari Harun,
wakil Delegasi Malaysia